

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Perikatan Nasional untuk membeli vaksin COVID-19 sehingga sekarang. Nyatakan jenis vaksin dan jumlah dana yang telah digunakan untuk pembelian setiap jenis vaksin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, sehingga 25 Ogos 2021, sebanyak **87.9 juta dos vaksin** telah ditempah oleh KKM iaitu melalui Fasiliti COVAX dan juga secara rundingan terus dengan beberapa pengeluar vaksin COVID-19 yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak **RM4.36 bilion**.
2. Kerajaan telah membuat perolehan untuk beberapa jenis vaksin yang dikeluarkan oleh:
 - (i) COVAX Facility untuk vaksin AstraZeneca;
 - (ii) Pfizer & BioNTech;
 - (iii) AstraZeneca;
 - (iv) Sinovac Biotech untuk vaksin CoronaVac;
 - (v) CanSino Biologics Inc. untuk vaksin *The Convidecia, Recombinant Novel Coronavirus Vaccine (Adenovirus Type 5 Vector)*; dan
 - (vi) *Gamaleya Research Institute of Epidemiology and Microbiology* untuk vaksin Sputnik V.
3. Untuk makluman, Kerajaan Pusat adalah tertakluk untuk tidak mendedahkan kos perolehan bagi setiap jenis vaksin sebagaimana yang terkandung dalam perjanjian dengan syarikat-syarikat pembekal vaksin. Namun demikian, ingin saya maklumkan di sini bahawa perolehan vaksin-vaksin tersebut telah melalui proses perolehan yang terbuka dan *stringent*, antaranya pelbagai siri rundingan harga antara agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dan syarikat-syarikat yang terlibat. Keutamaan tertinggi Kerajaan Pusat adalah untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia tidak terjejas akibat pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.